

**Pusat Pemutihan 6P Di Buka 24 Jam  
Bernama  
29 Disember , 2011**

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Empat Pusat Pemutihan Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja dan Pendatang Asing Tanpa Izin (6P) Cawangan Pusat Setempat (OSC) akan beroperasi 24 jam mulai esok bagi melancarkan proses program tersebut.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) Tan Sri Mahmood Adam berkata KDN mengambil inisiatif dengan mewujudkan OSC baru bagi mengurangkan kesesakan yang dihadapi orang ramai ketika menjalankan urusan.

Mahmood berkata dua OSC akan dibuka di Putrajaya iaitu di Dewan Balora Perdana, Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Presint 2 dan Pejabat Imigresen (Cawangan Pasport) Presint 15.

Manakala masing-masing satu cawangan di Kompleks KDN Jalan Duta serta Pejabat Imigresen cawangan Pelabuhan Klang, Jalan Depoh, Seksyen 15.

"Cawangan tersebut bakal memulakan perkhidmatan esok sehingga tarikh tamat pendaftaran program Pemutihan 6P pada 10 Jan depan," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata pembukaan cawangan tersebut bertujuan memberi kemudahan kepada semua pihak khususnya majikan dalam menguruskan permohonan berkaitan Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) tanpa perlu hadir ke ke Pusat Operasi Utama di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Putrajaya.

"Urusan tersebut antaranya permohonan ID untuk pihak majikan mengemaskini Data PATI, permohonan Surat Makluman kepada pihak kedutaan, pemprosesan permohonan pengambilan pekerja asing, pembayaran levi serta pengeluaran Surat Kelulusan Pemutihan menjelang tarikh akhir iaitu 10 Januari tahun hadapan itu sebaliknya boleh dibuat di OSC," katanya.

Beliau menggesa pihak majikan supaya bertindak segera dengan tidak menunggu saat akhir untuk berurusan dalam program Pemutihan 6P ini.

Mahmood juga berkata tiga OSC yang sedia ada di Pusat Pemutihan Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya, Kompleks KDN Johor Baharu dan Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang akan turut beroperasi 24 jam mulai hari ini sehingga 10 Jan ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637085>

